

CNS0373

U PB 19-06 00171 BA050

aab

Mahathir - Pembangkang

DR MAHATHIR MAHU PEMBANGKANG TURUT HAPUS SEMUA JENIS RASUAH

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Parti-parti pembangkang patut mencontohi Umno mengadakan satu peraturan khusus bagi menghapus amalan politik wang dan semua jenis rasuah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata mereka perlu berusaha membentuk undang-undang mencegah segala bentuk rasuah, termasuk rasuah agama dan kebendaan dan tidak hanya ghairah mempermain-mainkan Umno kerana usahanya untuk menghapuskan politik wang.

"Masalah Umno hanyalah politik wang. Tetapi masalah parti-parti lawan termasuklah penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran dan syurga untuk kepentingan diri dan parti," katanya ketika menyampaikan amanat pada perhimpunan Agung khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau berkata parti pembangkang perlu jujur seperti Umno dengan mengaku bahawa kesalahan dan jenayah berlaku dalam parti masing-masing dan bertindak menghapuskannya.

"Mereka tidak harus menepuk belakang diri sendiri, menucap tahniah kepada diri sendiri kerana beranggapan mereka lebih baik daripada Umno. Sebenarnya mereka adalah lebih kotor," kata beliau. -- Lagi.

19/06/10-57MST

CNS0375

U PB 19-06 00146 BA051

aab

Mahathir - Pembangkang 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata beliau sedar parti-parti pembangkang akan menggunakan usaha Umno hari ini meminda perlembagaan untuk membanteras politik wang sebagai isu menyerang Umno hingga menyebabkan ada di antara anggota parti sendiri yang berpendapat lebih baik perkara itu tidak dihebohkan.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan parti-parti pembangkang bahawa mereka tidak boleh berbangga dengan beranggapan kononnya mereka bersih kerana banyak daripada mereka yang terlibat dengan rasuah.

Ini kerana perkembangan politik yang dalam Umno sekarang boleh dipertanggungjawabkan kepada kumpulan serpihan Umno, yang sekarang berada di luar parti.

"Mereka boleh bersumpah tetapi kita tahu mereka menggunakan banyak wang pada tahun 1987 untuk membeli undi.

"Mereka menyogok di hotel, mereka menyogok dalam tandas, mereka mengurung ahli-ahli dan mereka berjanji kepada berpuluh-puluh ahli Umno jawatan Menteri Besar, Timbalan Menteri dan Menteri." -- Lagi.

19/06/10-57MST

▼19/06/11-00MST

CNS0379

U PB 19-06 00150 BA053

aab

Mahathir - Pembangkang 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata penggunaan politik wang begitu meluas sehingga salah seorang daripada pemimpin kumpulan itu pernah berkata "Dua puluh juta terlalu murah untuk menjadi Perdana Menteri."

Katanya, kekalahan kumpulan itu tidak bermakna mereka bersih sebab jika tidak kerana majoriti perwakilan UMNO tidak boleh disogok, kumpulan itu mungkin menang pada pemilihan 1987.

"Mereka kotor. Malangnya kekotoran mereka terpalit kepada ahli-ahli UMNO yang lain. Kerana 1987-lah UMNO sekarang terpaksa menghadapi masalah politik wang. Kerana 1987-lah UMNO terpaksa bersidang hari ini."

Dalam hal ini, kata Dr Mahathir, rakan-rakan kumpulan itu juga tidak bebas daripada rasuah kerana "menjanjikan syurga jika parti disogok, juga merupakan satu jenis rasuah."

Beliau berkata rasuah seumpama itu lebih murah dan mudah dibuat bagi mereka yang tidak takutkan Tuhan, tetapi lebih berkesan di kalangan orang yang kuat pegangan agamanya. -- Lagi.

▼19/06/11-27MST

CNS0380

U PB 19-06 00153 BA054

aab

Mahathir - Pembangkang 4 (Akhir) Kuala Lumpur

"Najis rasuah terpalit juga di muka mereka, bahkan lebih dahsyat lagi kerana yang disogok ialah agama. Dengan ini bukan sahaja mereka kotor, agama juga turut dikotorkan," katanya.

Dr Mahathir juga membidas keberanian kumpulan itu "menjual" ayat-ayat al-Quran bagi mendapat sesuatu bagi diri dan parti mereka dan bukannya untuk mengembangkan ajaran Islam atau berdakwah. Keadaan ini tidak berbeza daripada penyalahgunaan wang untuk membeli undi.

"Ta tidak berbeza daripada rasuah. Ta juga adalah rasuah," tegas beliau.

Di samping itu, kata Dr Mahathir, apabila berkuasa di Kelantan, PAS turut menggunakan wang kerajaan dalam bentuk elaan setelah menyogok penyokong mereka dengan jawatan penghulu, penguasa dan imam, yang sebelum itu disandang oleh orang lain.

"Ini juga sejenis rasuah. Justeru itu, yang perlu membanteras dan bertindak menghapuskan politik wang di dalam parti bukanlah UMNO sahaja," kata beliau. -- Bernama.